



## **Pembeli produk rokok kena tunjuk kad pengenalan**

Oleh [Mahani Ishak](#) - Julai 27, 2022 @ 12:37pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 akan dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat, hari ini selepas lebih 10 tahun ia diperjuangkan.

RUU yang akan dibentangkan oleh Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin, turut akan memperuntukkan cadangan Generational End Game (GEG) atau generasi penamat yang tidak membenarkan individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya daripada menggunakan, menghisap mahupun memiliki sebarang produk merokok termasuk rokok elektronik.

Semua larangan itu akan dimasukkan ke dalam draf RUU Akta Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 yang akan dibentangkan pada Dewan Rakyat kali ini.

Pelaksanaan GEG penting kerana masalah merokok di Malaysia menunjukkan penurunan peratusan yang sangat sedikit sejak beberapa tahun lalu serta masalah menghisap rokok konvensional di Malaysia dibebani dengan masalah rokok elektronik.

Melalui cadangan GEG ini juga, KKM menasarkankan untuk menurunkan peratus perokok di Malaysia daripada lima peratus menjelang tahun 2040.

Selain itu, Malaysia juga sedang berhadapan dengan masalah 'double burden of health' yang serius akibat penggunaan rokok konvensional dan rokok elektronik.

Kajian projeksi yang dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) menunjukkan, kawalan sedia ada yang dilaksanakan akan hanya menunjukkan penurunan sangat sedikit dalam jangka masa panjang.

Peratusan merokok tinggi

Masalah itu turut ditambah dengan beban peratusan merokok yang tinggi dalam kalangan remaja berusia 13 hingga 15 tahun bagi rokok konvensional dan elektronik.

Apabila undang-undang ini dikuat kuasa, penjual hendaklah memastikan mereka yang membeli produk merokok menunjukkan kad pengenalan ataupun pasport bagi memastikan jual beli hanya dilaksanakan dalam kumpulan generasi dibenarkan.

Pelaksanaan yang sama sememangnya sudah dilaksanakan sebelum ini, khusus bagi larangan pembelian kepada orang di bawah umur. Namun, pihak berwajib perlu meneliti pelaksanaan secara digital bagi memudahkan proses jual beli pada masa depan.

Larangan itu akan membabitkan semua produk merokok iaitu semua produk hasil tembakau termasuk rokok, cerut, tembakau leraai atau tembakau snus, semua produk hasil tembakau yang dipanaskan; semua produk merokok yang menggunakan daun lain selain daun tembakau, semua jenis rokok elektronik dan merangkumi peralatan elektronik (smoking device) yang digunakan untuk tujuan merokok.

Secara keseluruhannya, semua pihak menyokong baik RUU ini dengan sentimen mewujudkan kumpulan rakyat Malaysia yang 'dipisahkan' daripada tabiat merokok.

Industri rokok mungkin tidak dapat dipisahkan dari negara ini tetapi RUU ini akan membolehkan kewujudan garis pemisah dengan kaedah GEG itu.

NGO, ahli akademik dan orang ramai, termasuklah pengusaha di dalam industri vape, menyatakan sokongan penuh mereka terhadap RUU berkenaan demi kesihatan baik Keluarga Malaysia pada masa depan, selain mengimbangi kos ditanggung kerajaan bagi merawat penyakit yang berpunca daripada tabiat merokok.